

No. Rujukan: UNIMAS/TNC(AA)/03-01 Jilid 2 (32)



UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK (UNIMAS)

**PEKELILING AKADEMIK
BILANGAN 5 TAHUN 2021**

Pejabat Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)
Tarikh: 27 April 2021

Disalinkan kepada:

Dekan Fakulti
Semua Staf Akademik

PEKELILING AKADEMIK BILANGAN 5 TAHUN 2021

PENGGUNAAN MANUAL JAMINAN KUALITI AKADEMIK 2.0

1. Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan kepada semua staf berkaitan keputusan Mesyuarat Senat Bil. 03/2021 ke 195 bertarikh 24 Mac 2021 berhubung penggunaan Manual Jaminan Kualiti Akademik 2.0 untuk semua program akademik peringkat pra-universiti, prasiswazah dan pascasiswazah di Universiti Malaysia Sarawak.
 - 1.1 Dokumen kualiti ini bertujuan mengekalkan dan memperbaiki kualiti standard dalam pelaksanaan perkhidmatan pengajaran dan pembelajaran bagi program pra-universiti, prasiswazah dan pascasiswazah di Universiti Malaysia Sarawak. Ia mengandungi perancangan dan tindakan sistematik (polisi, strategi, sikap, prosedur dan aktiviti) bagi mewujudkan keyakinan bahawa kualiti akademik di UNIMAS sentiasa terpelihara dan dipertingkatkan serta memenuhi standard kualiti yang ditetapkan.
 - 1.2 Manual Jaminan Kualiti Akademik (2018) yang pertama telah diluluskan dalam Mesyuarat Senat Bil Bil.02/2018 Ke-169 pada 21 Februari 2018. Susulan daripada itu beberapa cadangan pindaan terhadap versi asal telah dibuat melalui beberapa siri bengkel yang dianjurkan oleh Bahagian Jaminan Kualiti Akademik seperti berikut:
 - i. 27 Mac 2019- Bengkel Pemurnian Manual Kualiti Versi 2 (Siri 1)
 - ii. 1 Ogos 2019- Bengkel Pemurnian Manual Kualiti Versi 2 (Siri 2)
 - iii. 13 November 2019- Bengkel Pemurnian Manual Kualiti Versi 2 (Siri 3)
 - 1.3 Manual Jaminan Kualiti Akademik (2018) yang pertama hanya meliputi polisi dan prosedur yang berkaitan dengan pengajaran dan pembelajaran bagi kursus berbentuk kerja kursus.

2. KEPUTUSAN

2.1 Maklumat pindaan yang telah dibuat di dalam Manual Jaminan Kualiti Akademik 2.0 adalah seperti berikut:

Pindaan		Muka surat/ Bab/ Perenggan	Butiran pindaan
No	Tarikh		
1.	24 Mac 2021	Bab 1: Pengenalan	<p>Kemaskini maklumat termasuk:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Penamaan semula Jawatankuasa Perancangan dan Pembangunan Akademik kepada Jawatankuasa Tetap Senat Perancangan dan Pembangunan Akademik dan kemaskini senarai keahlian • Penamaan semula Jawatankuasa Pengajian Siswazah kepada Jawatankuasa Tetap Senat Pengajian Siswazah dan kemaskini senarai keahlian • Penamaan semula Jawatankuasa Pengajian Pra-Universiti kepada Jawatankuasa Tetap Senat Pengajian Pra-Universiti dan kemaskini senarai keahlian • Pindaan Jawatan Pengarah bagi PTJ yang berkaitan • Kemaskini maklumat Pengerusi Jawatankuasa Teknikal Prior Learning Assessment Centre (PLACe) berdasarkan kelulusan Mesyuarat Senat • Kemaskini skop Jawatankuasa Pembangunan dan Inovasi Kurikulum serta maklumat Pengerusi • Kemaskini skop Jawatankuasa Pengurusan Kualiti Akademik Fakulti serta maklumat Pengerusi

			<ul style="list-style-type: none"> • Tambahan Jawatankuasa Akademik Prasiswazah Fakulti • Tambahan Jawatankuasa Akademik Pascasiswazah Fakulti • Tambahan Jawatankuasa Teknikal Peperiksaan Fakulti • Tambahan Jawatankuasa Buku Panduan Fakulti • Tambahan Jawatankuasa Tatatertib Pelajar Fakulti • Pindaan visi, misi dan nilai teras UNIMAS
--	--	--	---

2.	24 Mac 2021	Bab 2: Pengurusan Sumber Manusia	<p>Kemaskini maklumat termasuk:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Tambahan maklumat jenis ujian tapisan untuk skim perkhidmatan yang berbeza • Tambahan maklumat kelayakan Panel Penilai Luar bagi Prof Madya (DS54) dan Profesor (VK7) • Pindaan skop tugas pensyarah perubatan DU51P/51, DU53/54, DU55/56, Gred Khas • Pindaan Seksyen 2.7 Garis Panduan Kenaikan Pangkat untuk Ahli Akademik • Kemaskini sumber dan punca kuasa bagi: <ul style="list-style-type: none"> i. Syarat skim perkhidmatan Pegawai Pendidikan DG41 ii. Fungsi dan bidang tugas umum dan spesifik Pensyarah gred DS45, pensyarah Kanan DS51/52, Profesor Madya DS53/54 dan Profesor.
----	-------------	---	---

			<p>Pertambahan seksyen berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Seksyen 2.4 Skop Tugas Ahli Akademik • Seksyen 2.5 Wajaran dan Kriteria Penilaian Tahunan Ahli Akademik • Seksyen 2.6 Bebanan Pengajaran Ahli Akademik • Seksyen 2.8 Skop Tugas Penolong Pendaftar Akademik <p>Maklumat lantikan Panel Penilai Industri, Penilai Luar, Profesor Adjung dan Profesor Pelawat dipindahkan ke Bab 7 Pengurusan Semakan Kurikulum Dan CQI.</p>
3.	24 Mac 2021	Bab 3: Kemudahan Dan Infrastruktur	<p>Kemaskini maklumat termasuk:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Maklumat fasiliti pengajaran dan pembelajaran • Kapasiti kolej kediaman • Senarai perkhidmatan Pusat Kesihatan • Unit Penajaan Pelajar dikemaskini menjadi “Unit Pengurusan Penajaan dan Pas Pelajar” dengan tambahan fungsi seperti di bawah; <ul style="list-style-type: none"> i. Pengurusan Pas Pelajar (Permohonan, Pembaharuan, Kemaskini, Pembatalan) ii. Medium perantara pelajar & pihak Imigresen Malaysia, Sarawak
4.	24 Mac 2021	Bab 4: Prosidur Pengajaran Dan Pembelajaran	<p>Kemaskini maklumat termasuk:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Pertambahan skop tugas Penolong Pendaftar Akademik dan Kerani Program di dalam proses kerja pelantikan tugas pengajaran

			<ul style="list-style-type: none"> • Kemaskini skop tugas staf akademik di dalam proses kerja pelantikan tugas pengajaran • Kemaskini skop tugas pelajar, penyelia dan penyelaras PTA • Kemaskini maklumat Latihan Industri • Kemaskini skop tugas pensyarah jemputan/pensyarah sambilan • Kemaskini skop tugas Timbalan Dekan (Prasiswazah), Timbalan Dekan (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) di dalam Sistem Penasihat Akademik <p>Pindaan maklumat:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Perkataan IMark dan IClass digantikan dengan system • Perubahan formula pengiraan Penetapan Masa Pembelajaran Pelajar (SLT) • Perubahan cadangan SLT pelajar
5.	24 Mac 2021	Bab 5: Polisi Penilaian Akademik	<p>Pindaan maklumat:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Julat penilaian akhir di ubah kepada 20% - 60% bagi mengambil kira Halatuju 3 (2015) Program Perakaunan yang menetapkan julat peperiksaan akhir adalah di antara 50% - 60%. <p>Pertambahan seksyen berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Seksyen 5.2.1 Pentaksiran Alternatif • Seksyen 2.5 <i>Service Learning-University for Society</i> (SULAM)

			<ul style="list-style-type: none"> • Seksyen 5.2.3 Penilaian Program Siswazah secara Penyelidikan
6.	24 Mac 2021	Bab 6: Prosedur Peperiksaan Akhir	<p>Pindaan maklumat:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Pertukaran tajuk 6.2.3 Gagal Hadir Peperiksaan kepada 6.2.3 Gagal Hadir Peperiksaan atau Pindaan Tarikh Peperiksaan • Pindaan pada seksyen 6.4.2.1 carta alir proses vetting kertas soalan peperiksaan daripada DUA set kepada set* kertas soalan sahaja • Pemansuhan tempoh 24 jam bagi pensyarah untuk mengambik skrip peperiksaan di Unit Peperiksaan Pindaan maklumat: • Perkataan eMark dan IMark digantikan dengan MyMark
7.	24 Mac 2021	Bab 7: Pengurusan Semakan Kurikulum Dan CQI	<p>Kemaskini maklumat:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Pindaan tajuk BAB 7: PENGURUSAN SEMAKAN KURIKULUM DAN CQI kepada BAB 7: PENGURUSAN SEMAKAN KURIKULUM DAN <i>CONTINUOUS QUALITY IMPROVEMENT</i> (CQI) • Pertambahan maklumat "Proses jaminan kualiti ini melibatkan semua program peringkat Asasi, Diploma, Ijazah, Pascasiswazah mod kerja kursus dan penyelidikan." • Penambahbaikan Rajah 7.1 Proses penambahbaikan kualiti berterusan program akademik mod kerja kursus dan Rajah 7.2

			<ul style="list-style-type: none"> • Proses penambahbaikan kualiti berterusan program akademik mod penyelidikan • Pindaan <i>self review report</i> kepada <i>Program Self Annual Report</i> • Perkataan IMark digantikan dengan sistem pemarkahan • Pindaan jumlah responden di kalangan alumni bagi diubah daripada 60% kepada 30% daripada jumlah alumni • Pindaan Indikator Pencapaian kepada Indikator Sasaran Pencapaian bagi Pengukuran PEO • Perkataan IClass dan iCGPA Analisis digantikan dengan MyClass dan ULEARN • Pindaan maklumat bagi proses kerja perubahan semakan kurikulum yang melebihi 30% daripada keseluruhan kurikulum asal yang perlu mendapat kelulusan Senat sebelum dihantar ke MQA. • Maklumat lantikan Panel Penilai Industri, Penilai Luar, Profesor Adjung dan Profesor Pelawat dimuatkan di dalam Bab ini. • Kemaskini maklumat lantikan Profesor Adjung dan Profesor Pelawat.
8.	24 Mac 2021	Bab 8: Pembangunan Program Akademik Baharu Dan Permohonan Akreditasi	<ul style="list-style-type: none"> • Pengguguran Rajah 8.1 dan 8.2 kerana maklumat yang sama dikemukakan di dalam Lampiran 8.1.

			<ul style="list-style-type: none"> • Pindaan penggunaan abjad kod kursus dan tafsiran angka kredit untuk program akademik UNIMAS • Penambahan seksyen berikut: <ul style="list-style-type: none"> i. Seksyen 8.3 Proses Pembangunan Kurikulum Program Pembelajaran Secara Terbuka Dan Jarak Jauh (ODL) ii. Pembangunan Program Berdasarkan Kurikulum Transdisiplinari iii. Pembangunan Program Ijazah Bersama (Joint Degree)/ Dual Ijazah (Dual degree)/ Ijazah Berganda (Double Degree)
9.	24 Mac 2021	Bab 9: Program Pesisir	Penambahan Bab 9: Program Pesisir di dalam dokumen Manual Kualiti Akademik
10.	24 Mac 2021	Lampiran 7.5	Kemaskini komponen komponen pemberat elemen semakan kurikulum/CQI

2.2 Dokumen Manual Jaminan Kualiti Akademik 2.0 boleh dimuat turun di capaian berikut:

https://ir.unimas.my/id/eprint/35115/1/manual_jaminan_kualiti_akademik_unimas_v7.pdf

3. Perubahan ini akan diguna pakai untuk semua program akademik mulai tahun 2021.

Sekian, terima kasih.

Yang benar



Prof Dr Hj Ahmad Hata bin Rasit
Timbalan Naib Canselor (Akademik Dan Antarabangsa)
Universiti Malaysia Sarawak

27 April 2021